

U B217 AAB

MAHATHIR - DOA

1985
KANGAR, 14 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMENDOAKAN AGAR TUHAN MEMBUKAKAN HATI GOLONGAN ORANG YANG SENTIASA MEMBURUK-BURUKKAN SEGALA USAHA KERAJAAN SUPAYA MEREKA ITU DAPAT MENERIMANYA DEMI KEPENTINGAN RAKYAT.

+ AKUILAH KEBAIKAN APABILA KEBAIKAN ITU BERLAKU DAN BERILAH PENDAPAT SUPAYA BOLEH KITA PERBAIKI BERSAMA MANA-MANA YANG SILAP,+ KATANYA DI TITI TINGGI, 34 KM. DARI SINI.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH ADALAH DALAM LAWATAN SEHARI KE PERLIS UNTUK MENEMUI RAKYAT DAN MENINJAU PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN GOLONGAN ITU JANGAN TERLALU GHAIRAH DALAM NIAT MEREKA SEHINGGA MENGATAKAN +APA YANG BAIK ITU - BURUK DAN YANG BURUK YANG MEREKA BUAT ITU BAIK.+

KATANYA, KERAJAAN BARISAN NASIONAL SENTIASA MEMIKIRKAN KEBAIKAN RAKYAT DAN BUKANNYA MELAKUKAN KEBURUKAN KEPADA RAKYAT.-- LAGI.
1555MST 14 03 85

0515

U B218 AAB

MAHATHIR - DOA 2 KANGAR

+ KEBAIKAN YANG KITA RANCANG DAN LAKSANAKAN ADALAH SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI KESAL KERANA MASIH ADA GOLONGAN YANG TERUS MENERUS MENGUTUK DAN MEMBURUK-BURUKKAN KERAJAAN.

APA YANG DILAKUKAN OLEH GOLONGAN ITU SEPERTI MEMECAHBELOH RAKYAT DAN MENGKAFIRKAN ORANG LAIN ADALAH PERBUATAN YANG BURUK DAN BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM SEBENARNYA, KATANYA.

SEBALIKNYA, KERAJAAN BARISAN NASIONAL MELALUI KONSEP BERBIH, CEKAP DAN AMANAH SERTA BERUSAHA KE ARAH PERPADUAN ADALAH PERBUATAN YANG SELARAS DENGAN AGAMA ISLAM.

BELIAU BERHARAP GOLONGAN YANG DIMAKSUDKAN ITU AKAN DAPAT DIBUKAKAN HATI MEREKA OLEH ALLAH DAN DAPAT MENGAKUI HAKIKAT SEBENARNYA AKAN SEGALA KEBAIKAN YANG DIJALANKAN ITU. -- LAGI.
1556MST 14 03 85

0518

U B219 AAB

MAHATHIR - DOA 3 KANGAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENGGESA PARA PESERTA RANCANGAN KEMAJUAN TANAH TITI TINGGI AGAR MENERIMA PROGRAM PEMBANGUNAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN NEGERI DAN TIDAK TERPEDAYA DENGAN DAKYAH JAHAT GOLONGAN YANG CUBA MENGGAGALKANNYA.

BELIAU JUGA BERHARAP MEREKA ITU AKAN MENERIMA PERUBAHAN AGAR TARAF HIDUP DAN PENDAPATAN MEREKA DAPAT DITINGKATKAN.

KATANYA, MELALUI PROGRAM TERSUSUN SAHAJA DAPAT KERAJAAN MENYEDIAKAN BANTUAN SECARA MUDAH SEPERTI JALANRAYA, BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK.

BELIAU JUGA MENASIHATI MEREKA BERUSAHA MENANAM POKOK BUAH-BUAHAN SECARA PERUSAHAAN SEPERTI MANGGIS YANG KINI MENDAPAT PASARAN BAIK DI NEGARA JEPUN.

KATANYA, MEREKA HARUS BERSEDIA MENERIMA PERUBAHAN YANG DIBAWA OLEH KERAJAAN BERTA BEKERJA KUAT UNTUK MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI DAN ISTERI TELAH DISAMBUK DI LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM ALOR SETAR OLEH MENTERI BESAR PERLIS, DATUK HAJI ALI AHMAD DAN PARA PEMIMPIN NEGERI.

ROMBONGAN PERDANA MENTERI TELAH DIBERI SAMBUTAN MERIAH DI SEMPADAN KEDAH/PERLIS DAN KEMUDIAN DIARAK OLEH 150 BUAH PENUNGGANG MOTOSIKAL SEHINGGA KE RUMAH TETAMU DI SINI.

SEBELUM KE TITI TINGGI, DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR.SITI HASMAH TELAH MENGADAP RAJA DAN RAJA PEREMPUAN PERLIS DI ISTANA REPOH. -- BERNAMA.

140PMST 14 03 85